

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

BST 301/3 - Pengurusan Persekitaran

Masa : [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Dengan menggunakan carta alir yang lengkap, huraikan tatacara EIA yang digunakan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Apakah perbezaan EIA awal dan EIA terperinci.

(20 markah)

2. European Union (EU) telah menggariskan suatu rangkakerja tentang pengurusan sumber dan pembangunan lestari. Lukiskan rangkakerja tersebut dan bincangkan isu-isu utama yang berkaitan.

(20 markah)

3. Beberapa buah negara telah mempunyai system cas alam sekitar. Sebagai contoh, Perancis mengenakan cas terhadap pencemaran udara. Finland dan Sweden mengenakan cukai karbon bahanapi fosil. Bincangkan sama ada sistem yang serupa boleh dilaksanakan di negara kita. Apakah halangan-halangan yang mungkin timbul.

(20 markah)

4. Sistem ekologi diketahui memainkan pelbagai fungsi. Dengan merujuk kepada tiga (3) contoh sistem ekologi, huraikan fungsi-fungsi berikut.
 - (a) Fungsi sokongan hidup.
 - (b) Fungsi penghasilan
 - (c) Fungsi gunatanah

(20 markah)

[BST 301/3]

5. Dalam kajian EIA, meramal impak alam sekitar dengan tepat dan jitu adalah dua masalah yang sukar diatasi. Bincangkan masalah-masalah yang berkenaan serta langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasinya.

(20 markah)

6. Penggunaan matriks adalah suatu metodologi dalam kajian EIA yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Bincangkan kekuatan serta kelemahan penggunaan kaedah matriks.

(20 markah)

- oooOooo -

[mirrored text]

[mirrored text]